

Rakyat Malaysia pertama dijangkiti virus itu selepas berkunjung ke Singapura

Wanita Klang sah hidap Zika

PUTRAJAYA - Seorang wanita dari Bandar Botanic, Klang, Selangor dilaporkan menjadi individu pertama dijangkiti virus Zika selepas berkunjung ke Singapura bagi melawat anak perempuannya yang didapati positif virus itu.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam berkata, wanita berumur 58 tahun itu yang melawat Singapura pada 19 Ogos lalu mengalami demam selain ruam di beberapa anggota selepas pulang dari negara tersebut.

Menurutnya, wanita itu mempunyai gejala demam dan ruam pada 28 Ogos lalu manakala pada Selasa lalu dia mendapatkan rawatan di sebuah klinik swasta di Klang, Selangor.

Beliau berkata, disebabkan pernah pergi ke Singapura dan mempunyai anak yang dijangkiti virus itu, dia kemudian disyaki menghidap Zika.

"Pada hari yang sama, wanita itu telah dirujuk ke Hospital Sungai Buloh dan hasil pemeriksaan air kencing, dia disahkan positif virus Zika manakala ujian darah masih belum dikeluarkan lagi," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Kosmo! Ahad pada 28 Ogos lalu melaporkan seorang wanita Malaysia berusia 47 tahun di Singapura dijangkiti virus Zika dan dirawat di Hospi-



PESAKIT wanita berumur 58 tahun yang disahkan menghidap Zika kini dirawat di Hospital Sungai Buloh semalam.

tal Tan Tock Seng.

Menurut Subramaniam, punca jangkitan itu disyaki berlaku di Singapura kerana pesakit berkenaan mula mengalami tanda-tanda virus Zika pada hari yang sama anaknya sakit di republik itu.

"Bagaimanapun, suami wanita itu yang turut bersama melawat anaknya di Singapura tidak menunjukkan sebarang simptom jangkitan virus Zika termasuk beberapa ahli keluarga yang tinggal bersamanya di Bandar Botanic," katanya.

Subramaniam memberitahu, susulan kes itu, pihak kementerian telah memulakan kawalan vektor di kawasan kediaman pesakit dan tempat-tempat yang telah dilawatnya merangkumi aktiviti menghapuskan tempat pembiakan aedes dan semburan kabut.

Menurutnya, maklumat



ANGGOTA Jabatan Kesihatan negeri menyembur racun serangga bagi menghapuskan nyamuk aedes di Taman Botanic, Klang semalam. Wanita pertama yang menghidap Zika tinggal di Bandar Botanic.

Info Virus Zika di seluruh dunia



yang diperoleh daripada Kementerian Kesihatan Singapura mendapati terdapat lima rakyat Malaysia yang menetap dan bekerja di negara itu turut disahkan dijangkiti virus Zika.

Beliau berkata, rakyat Malaysia perlu fokus untuk membersihkan tempat pembiakan nyamuk aedes, melindungi diri masing-masing daripada gigitan serangga itu dan mendapatkan pemeriksaan awal sekiranya terdapat gejala

demam, ruam dan konjunktivitis.

Dalam pada itu, beliau menasihati wanita mengandungi atau yang sedang merancang untuk mendapatkan anak supaya melakukan ujian darah bagi memastikan mereka bebas virus Zika kerana ia boleh merebak melalui hubungan seks.

"Kes pertama itu menunjukkan virus itu mudah menjangkiti manusia dengan melawat tempat

yang mengalami wabak itu seperti Singapura.

"Kita juga akan meminta pihak berkuasa untuk menyembur racun serangga pada kenderaan dari Singapura yang memasuki negara ini," katanya.

Sementara itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak menasihati semua pihak supaya mengambil langkah berjaga-jaga berikutan kes pertama virus

INFO Simptom virus Zika

- Individu yang dijangkiti virus Zika akan menghidap penyakit demam berterusan antara tiga hingga ke tujuh hari
- Mereka juga akan menghidap beberapa simptom lain seperti sakit kepala, ruam pada kulit, sakit sendi serta mata menjadi kemerahan
- Mudah berasa letih dan sentiasa berasa lesu juga merupakan antara tanda seseorang itu menghidap virus Zika

Perkara yang perlu dilakukan sekiranya menghidap virus Zika

- Sekiranya tanda-tanda virus Zika semakin teruk atau berlaku komplikasi, individu yang dijangkiti perlu segera mendapatkan rawatan lanjut terutamanya bagi wanita yang hamil
- Dapatkan rawatan segera untuk menghilangkan demam
- Banyakkan minum air masak dan dapatkan rehat secukupnya
- Pakai baju berlengan panjang dan labuh supaya tidak mudah digigit nyamuk aedes

Zika yang dilaporkan di negara ini.

"Buat masa ini, semua pihak disarankan mengambil langkah berjaga-jaga dan ikut nasihat Kementerian Kesihatan," katanya dalam catatan terbaharu di laman Facebook dan Twitter beliau semalam.